

Headline	UniKL MITEC pusat kejuruteraan kualiti serba lengkap		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Feb 2013	Color	Black/white
Section	Pendidikan	Circulation	197,952
Page No	3	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	497 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 6,476
Frequency	Daily	PR Value	MYR 19,428



UniKL MITEC pusat kejuruteraan kualiti serba lengkap

APAKAH perasaan anda apabila diberikan perkhidmatan atau ditawarkan produk yang tidak bermutu dan berkualiti? Pasti anda akan merasa tertipu, terkilan dan tidak puashati. Hal ini boleh ditangani dengan adanya pakar dan tenaga kerja dalam bidang kejuruteraan kualiti yang dapat membantu menghasilkan produk dan servis yang memenuhi kehendak pengguna.

Justeru, peningkatan kualiti dan produktiviti telah dikenal pasti sebagai asas kejayaan jangka panjang bagi sesebuah industri atau organisasi untuk terus kekal kompetitif dalam permainan industri.

Pada masa ini, pemain-pemain industri berdepan dengan tekanan untuk membuat revolusi daripada segi falsafah dan metodologi bagi memperbaiki sistem yang dapat menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih bermutu dan berkualiti serta memenuhi kehendak pengguna pada kos yang lebih rendah.

Proses penghasilan produk dan perkhidmatan yang semakin kompleks telah mewujudkan keperluan dalam melahirkan tenaga kerja atau jurutera yang boleh menguasai konsep dan metodologi teknikal serta pengurusan yang diperlukan bagi membangunkan sesuatu sistem kawalan kualiti.

Skop kerja seorang jurutera kualiti meliputi pembangunan dan pengoperasian sistem kawalan kualiti, pengaplikasian pelbagai kaedah ujian dan pemeriksaan diikuti

dengan analisis, keupayaan menggunakan metrologi dan kaedah-kaedah statistik untuk mengenal pasti dan membetulkan amalan kawalan kualiti yang tidak efektif, pemahaman tentang faktor sumber manusia dan kaedah motivasi yang sesuai, mewujudkan kemudahan fasiliti menggunakan teknik dengan kos efektif, memiliki pengetahuan dan kemahiran untuk membangun dan mentadbir sistem pengurusan maklumat dan mengaudit sistem kualiti bagi mengenal pasti dan memperbaiki sistem kualiti sedia ada.

Seorang jurutera kualiti akan memutuskan sesuatu proses metrik yang akan dipantau dan bagaimana sesuatu produk itu akan disampel, dengan menggunakan proses kawalan statistik (SPC) berbentuk carta kerja.

Operator pengeluaran akan bertindakbalas berdasarkan had kawalan yang telah ditetapkan mengikut carta kerja yang telah dihasilkan oleh jurutera kualiti.

Dengan cara ini, sesuatu proses itu dapat distabilkan dan mengurangkan kadar penolakan sesuatu produk atau perkhidmatan sebelum sampai ke proses seterusnya dan akhirnya kepada pelanggan.

Teknologi Kejuruteraan Kualiti mempunyai permintaan dalam pelbagai bidang industri termasuk pembuatan, pembinaan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan lain-

Headline	UniKL MITEC pusat kejuruteraan kualiti serba lengkap		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Feb 2013	Color	Black/white
Section	Pendidikan	Circulation	197,952
Page No	3	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	497 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 6,476
Frequency	Daily	PR Value	MYR 19,428

lain sektor perkhidmatan dan kerajaan.

Kerjaya sebagai seorang jurutera kualiti adalah terbuka luas dalam pelbagai sektor industri seperti jurutera pengujian, jurutera kualiti, jurutera proses, jurutera pengeluaran dan sistem pengurusan kualiti.

Untuk memenuhi permintaan ini, Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL MITEC) menawarkan program Teknologi Kejuruteraan Kualiti di peringkat diploma dan ijazah.

Program Kejuruteraan Kualiti yang ditawarkan mampu melatih dan membekalkan tenaga kerja yang mempunyai kepakaran, berpengetahuan dan inovatif untuk memenuhi kehendak industri dan organisasi yang semakin maju dan mencabar.

Jurutera kualiti ini bertanggungjawab memastikan bahawa spesifikasi sesuatu produk atau servis adalah memenuhi permintaan organisasi dan pelanggan.

Untuk tujuan ini, UniKL MITEC dengan kerjasama industri tempatan telah merangka subjek-subjek yang dapat membekalkan pengetahuan yang diperlukan oleh seorang jurutera teknologi kualiti.

Setiap subjek yang ditawarkan dan distruktur adalah berdasarkan maklumbalas dan pandangan yang diterima dari tenaga mahir dalam industri dan pakar-pakar akademik.

Antara subjek-subjek utama dalam program ini adalah *Lean Six Sigma*, *Innovative and Creative Control Circles (ICC)*, *Lean Manufacturing*, *7 Basic QC Tools* dan *7 New QC Tools* yang amat diperlukan dalam industri.

UniKL MITEC turut menyediakan kelengkapan teknologi yang canggih melalui makmal yang direka khas seperti Makmal Metrologi Asas, Makmal Metrologi Maju, *AutoCAD*, Makmal Ujian Tanpa Kemusnahan, Makmal Ujian Kemusnahan dan Makmal Struktur Permukaan.

Kelengkapan dan kemudahan sedia ada ini bukan sahaja membantu proses pengajaran dan pembelajaran, malah membantu proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) seterusnya menjadikan UniKL MITEC sebuah pusat kejuruteraan kualiti yang serba lengkap.

Bagi memastikan siswazah lepasan program ini mempunyai nilai tinggi di pasaran, latihan kemahiran yang sebenar turut di

teknakan dan didedahkan melalui projek dan latihan yang dilakukan di industri atau organisasi.

Kerjasama dengan agensi seperti Perbadanan Produktif Malaysia (MPC) bagi tujuan penilaian dan sijil pengiktirafan yang diterima daripada *Green Belt Lean Six Sigma*

menambah nilai kepada program teknologi kejuruteraan kualiti yang ditawarkan.

Permintaan terhadap jurutera kualiti dijangkakan akan terus meningkat dari tahun ke tahun selari dengan peningkatan pesat dalam bidang industri pembuatan dan perkhidmatan di Malaysia. Oleh itu, jurutera kualiti boleh dijadikan sebagai salah satu pilihan kerjaya masa kini.

UNTUK maklumat lanjut mengenai program-program yang ditawarkan di Universiti Kuala Lumpur, hubungi 03 - 2175 4000 atau layari www.unikl.edu.my



PERALATAN-peralatan canggih yang digunakan di Universiti Kuala Lumpur, Malaysian Institute Of Technology.